

14 JAN 1999

Mahathir-kuasa

MAHATHIR JAMIN PERALIHAN KUASA LICIN

KOTA BAHARU, 14 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa peralihan kuasa kepada timbalannya yang akan menggantikannya akan berlaku secara licin.

Katanya peralihan kuasa akan berlaku walaupun sesiapaapun tidak tahu bila ia akan berlaku.

"Ya... ya kami mahu (ia dilakukan) secara licin...saya boleh beri jaminan kepada anda," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Umno Negeri Kelantan dan pertemuan dengan para wakil rakyat Barisan Nasional (BN) Kelantan di sini.

Beliau berkata demikian apabila ditanya sama ada langkah beliau melepaskan jawatan sebagai Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan Pertama adalah sebahagian daripada proses untuk memastikan peralihan kuasa berlaku secara licin.

Katanya beliau bukan sahaja membayangkan malahan mengesahkan bahawa beliau sentiasa mahu timbalannya menggantikannya secara licin tetapi "tetapi ada perkara-perkara yang berlaku yang menghalang kami daripada memperkatakan pengesahan itu."

Jelas merujuk kepada bekas-bekas timbalannya -- Tan Sri Musa Hitam, Tun Ghafar Baba dan Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau berkata perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan yang menghalang peralihan kuasa kepada mereka "bukanlah salah saya".

"Terus terang saya katakan... oleh kerana saya berharap Anwar menggantikan saya, saya telah memberikannya segala peluang untuknya menemui rakyat dan melawat negeri-negeri...saya tidak mahu ke negeri-negeri disebabkan saya saya fikir saya akan bersara," katanya.

Tetapi, katanya, disebabkan peristiwa-peristiwa yang tidak dapat dielakkan itu sekarang beliau terpaksa membuat perhubungannya dengan rakyat sekali lagi.

"Untuk melakukan ini saya perlukan masa," katanya sambil menambah bahawa sekiranya beliau terikat dengan Kementerian Kewangan dan Kementerian Dalam Negeri beliau sudah tentu tidak akan mempunyai masa.

Dr Mahathir menegaskan buat masa sekarang beliau berpendapat bahawa beliau mempunyai tanggungjawab untuk memastikan Malaysia kembali stabil dan mencapai pertumbuhan ekonomi.

"Selepas itu saya akan bersara. Saya sudahpun berusia 74 tahun sekarang dan saya bukannya akan berada di sini selama-lamanya," katanya.

-- BERNAMA

MNY+RAR WAT